



UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA

Enakmen A35

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) (PINDAAN) 2022

Tarikh perkenan	...	...	...	...	7 April 2022
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	...	...	...	...	21 April 2022

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA

Enakmen A35

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) (PINDAAN) 2022

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR NEGERI,
Negeri Melaka)

TUN SERI SETIA (DR) HJ.
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
*Yang di-Pertua Negeri,
Negeri Melaka*

7 April 2022

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

[]

DIPERUNDANGKAN oleh Badan Perundangan Negeri Melaka seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) (Pindaan) 2022.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Subseksyen 2(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 7 tahun 2002*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan tafsiran “Hukum Syarak” dengan tafsiran yang berikut:

““Hukum Syarak” ertinya dari segi pegangan akidah hendaklah berdasarkan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumberkan aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturudiyah*, dari segi Syariah mengikut Mazhab Shafie atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hambali atau melalui ijtihad hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa atas syor Majlis, diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan;’.

Pindaan seksyen 10

3. Seksyen 10 Enakmen ibu dipinda di perenggan (1)(d) dengan memasukkan selepas perkataan “Hukum Syarak” perkataan “dan selebihnya yang arif dalam bidang ekonomi, pendidikan dan korporat.”.

Seksyen baharu 31A

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31, seksyen baharu yang berikut:

“Majlis boleh menerima pakai peraturan-peraturan dsb.

31A. Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, menerima pakai dengan membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.”.

Pindaan seksyen 44

5. Subseksyen 44(2) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung perenggan (b) itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan yang berikut:
 - “(c) selama tidak kurang daripada lima belas tahun sebelum pelantikannya, memegang apa-apa jawatan selain yang dinyatakan dalam perenggan (b) di bawah Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.”.

*** Pindaan seksyen 46**

6. Subseksyen 46(2) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan (b)(i);
- (b) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung subperenggan (b)(ii) dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b)(ii), subperenggan yang berikut:
 - “(iii) telah selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, memegang apa-apa jawatan selain yang dinyatakan dalam subperenggan (i) di bawah Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.”.

Pindaan seksyen 66

7. Seksyen 66 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “Ketua Pendakwa Syarie”, perkataan “Timbalan Ketua Pendakwa Syarie”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4), subseksyen yang berikut:

“(5) Majlis boleh melantik seorang yang layak dan sesuai daripada kalangan Pendakwa-Pendakwa Syarie menjadi Timbalan Ketua Pendakwa Syarie yang boleh bertindak sebagai Ketua Pendakwa Syarie semasa ketiadaan Ketua Pendakwa Syarie.”.

Pindaan seksyen 67

8. Seksyen 67 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen-subseksyen yang berikut:

“(2) Pegawai Penguat kuasa Agama hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pegawai Penguat kuasa Agama dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguat kuasa Agama kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan untuk dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguat kuasa Agama sendiri.

(3) Majlis boleh, melalui pemberitahuan yang diterbitkan dalam *Warta*, menetapkan pakaian seragam dan lambang pangkat bagi Pegawai Penguat kuasa Agama dari mana-mana pangkat.”.

Seksyen baharu 67A

9. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 67, seksyen baharu yang berikut:

“Kad kuasa 67A. (1) Majlis hendaklah mengeluarkan kepada setiap Pegawai Penguat kuasa Agama satu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha.

(2) Tiap-tiap Pegawai Penguat kuasa Agama semasa bertindak di bawah Enakmen ini hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya pegawai itu bertindak atau daripadanya pegawai itu meminta apa-apa maklumat, kad kuasa yang dikeluarkan kepada pegawai itu di bawah Enakmen ini.

(3) Kad kuasa ini hendaklah berkuat kuasa selama mana seseorang itu dilantik sebagai Pegawai Penguat kuasa Agama.”.

Pindaan seksyen 69

10. Seksyen 69 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen-subseksyen yang berikut:

“(1A) Baitulmal hendaklah mempunyai akaun-akaun berasingan seperti berikut:

- (a) Zakat Harta dan Zakat Fitrah;
- (b) Wakaf dan nazr ‘am;
- (c) Sumber ‘Am; dan
- (d) Amanah-amanah lain.

(1B) Bagi maksud seksyen ini, Sumber ‘Am Baitulmal hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:

- (a) Sumbangan dan pemberian;
- (b) Fidyah dan *kaffarah*;

- (c) Wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut;
- (d) Harta pusaka yang tidak diwarisi;
- (e) Harta-harta tercicir (*luqatah*); dan
- (f) Sumber-sumber lain Baitulmal mengikut Enakmen ini atau Hukum Syarak.”.

Pindaan seksyen 70

11. Seksyen 70 Enakmen ibu dipinda, teks bahasa Melayu dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan “Belanjawan” dengan perkataan “Perbelanjaan”.

Pindaan seksyen 72

12. Subseksyen 72(2) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “bagi amaun yang melebihi satu ratus ringgit hendaklah dibuat dengan cek” dengan perkataan “boleh dibuat dengan menggunakan tunai, cek, sistem bayaran elektronik atau apa-apa kaedah lain yang Majlis fikirkan sesuai dan munasabah.”.

Pindaan seksyen 74

13. Seksyen 74 Enakmen ibu dipinda—

- (a) teks bahasa Melayu dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “memungut” dengan perkataan “dan mengagihkan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Negeri Melaka” dengan perkataan “dan mengagihkannya”.

Seksyen baharu 74A

14. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 74 seksyen baharu yang berikut:

“Pelantikan atau perwakilan kuasa untuk mengagihkan zakat dan fitrah	74A. Majlis boleh melantik atau mewakilkan kuasanya kepada mana-mana orang untuk mengagihkan zakat dan fitrah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis.”.
--	--

Pindaan seksyen 75

15. Subseksyen 75(1) Enakmen ibu dipinda, teks bahasa Melayu dengan menggantikan perkataan “pembahagian” dengan perkataan “pengagihan”.

Pindaan seksyen 94

16. Subseksyen 94(5) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” dengan perkataan “tiga ribu ringgit”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “dua tahun”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5), subseksyen yang berikut:

“(6) Mana-mana orang, kumpulan orang, pertubuhan atau institusi yang namanya tertera pada apa-apa kaedah pemungutan wang yang dilakukan, dianggap sebagai membuat atau mengambil bahagian dalam pemungutan tersebut kecuali dibuktikan sebaliknya.”.

Pindaan seksyen 98**17. Seksyen 98 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Pendaftar Muallaf” dengan perkataan “dan apa-apa bilangan orang sebagai Penolong Pendaftar Muallaf”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen yang berikut:

“(2) Penolong Pendaftar Muallaf hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendaftar Muallaf dari semasa ke semasa.”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Melaka pada 2 Mac 2022
[MAIM.100-1/1/1; PUNM. 700-02/37 Jilid 4]

DATUK HAELMY BIN MOHD HANIFAH
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Melaka*



LAWS OF THE STATE OF MALACCA

Enactment A35

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF MALACCA) (AMENDMENT)
ENACTMENT 2022**

Date of assent	...	...	...	7 April 2022
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	21 April 2022

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF THE STATE OF MALACCA

Enactment A35

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF MALACCA) (AMENDMENT)
ENACTMENT 2022**

I ASSENT,

(STATE SEAL,
State of
Malacca)

TUN SERI SETIA (DR) HJ.
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
*Yang di-Pertua Negeri,
State of Malacca*

7 April 2022

An Enactment to amend the Administration of the Religion of
Islam (State of Malacca) Enactment 2002.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Malacca as follows:

Citation and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the
Religion of Islam (State of Malacca) (Amendment) Enactment 2022.

(2) This Enactment shall come into force on the date its
publication in *Gazette*.

Amendment of section 2

2. Subsection 2(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [*Enactment No. 7 of 2002*], which is referred to as “the principal Enactment” in this Enactment, is amended by substituting for the interpretation of “*Hukum Syarak*” the following interpretation:

“*Hukum Syarak*” means in terms of belief shall in accordance with the belief of *Ahli Sunnah Wal Jamaah* which sourced from the stream of *al-Asyairah* and *al-Maturudiyah*, in terms of *Syariah* according to the *Mazhab Shafie* or in certain circumstances according to any one of the *Mazhab Hanafi*, *Maliki* or *Hambali*, or through *ijtihad hukum* decided by the *Fatwa* Committee on the recommendation of the *Majlis*, assented by the Yang di-Pertuan Agong and published in the *Gazette*;’.

Amendment of section 10

3. Section 10 of the principal Enactment is amended in paragraph (1)(d) by inserting after the words “*Hukum Syarak*” the words “and the rest learned in economic, education and corporate field.”.

New section 31A

4. The principal Enactment is amended by inserting after section 31, the following new section:

“Majlis may adopt regulations, etc.	31A. In making any regulations under this Part, Majlis may, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, adopt such modifications as it deems fit any regulations, circulars and directives enacted or issued by the Federal Government or State Government.”.
--	---

Amendment of section 44

5. Subsection 44(2) of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting full stop at the end of the paragraph (b) with the words “; or”; and

(b) by inserting after paragraph (b), the following paragraph:

“(c) has for a period of not less than fifteen years before his appointment, been holding any post, other than those specified in paragraph (b) under the Syariah Officers’ Scheme in the general public service of the Federation.”.

Amendment of section 46

6. Subsection 46(2) of the principal Enactment is amended—

(a) by deleting the word “or” at the end of the subparagraph (b)(i);

(b) by substituting full stop at the end of the subparagraph (b)(ii) with the word “; or”; and

(c) by inserting after the subparagraph (b)(ii), the following subparagraph:

“(iii) has for a period of not less than ten years before his appointment, been holding any post, other than those specified in subparagraph (i) under the Syariah Officers’ Scheme in the general public service of the Federation.”.

Amendment of section 66

7. Section 66 of the principal Enactment is amended—

(a) in the shoulder note by inserting after the words “Chief Syarie Prosecutor”, the words “Deputy Chief Syarie Prosecutor”; and

(b) by inserting after subsection (4), the following subsection:

“(5) Majlis may appoint a person who is qualified and fit from among the Syariah Prosecutors to be the Deputy Chief Syarie Prosecutor who may act as the Chief Syarie Prosecutor during his absence.”.

Amendment of section 67

8. Section 67 of the principal Enactment is amended—

(a) by renumbering the existing section as subsection (1);
and

(b) by inserting after subsection (1), the following subsections:

“(2) The Religious Enforcement Officers shall act under the general control of the Chief Religious Enforcement Officer and may exercise all or any of the rights and powers vested in or exercisable by the Chief Religious Enforcement Officer except rights and powers expressed to be exercisable by the Chief Religious Enforcement Officer personally.

(3) Majlis may, by notification published in the *Gazette*, specify the uniform and rank badge for the Religious Enforcement Officer of any ranks.”.

New section 67A

9. The principal Enactment is amended by inserting after section 67, the following new section:

“Authority card 67A. (1) Majlis shall issue to every Religious Enforcement Officer an authority card which shall be signed by the Secretary.

(2) Every Religious Enforcement Officer when acting under this Enactment shall, on demand, declare his office and produce to the person against whom he is acting or from whom he seeks any information, the authority card issued to him under this Enactment.

(3) This authority card shall be in force so long as the person is appointed as the Religious Enforcement Officer.”.

Amendment of section 69

10. Section 69 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (1), the following subsections:

“(1A) *Baitulmal* shall maintain separate accounts as follows:

- (a) *Zakat Harta* and *Zakat Fitrah*;
- (b) *Wakaf* and *nazr ‘am*;
- (c) *Sumber ‘Am*; and
- (d) Other trusts.

(1B) For the purpose of this section, the *Baitulmal’s Sumber ‘Am* shall include the following matters:

- (a) Contributions and gifts;
- (b) *Fidyah* and *kaffarah*;
- (c) Unclaimed money and property of Muslims;
- (d) Estates of the deceased with no heir;
- (e) Lost property (*luqatah*); and
- (f) Any other source of *Baitulmal* according to this Enactment or *Hukum Syarak*.”.

Amendment of section 70

11. Section 70 of the principal Enactment is amended, in the Malay language text at the shoulder note by substituting the word “*Belanjawan*” with the word “*Perbelanjaan*”.

Amendment of section 72

12. Subsection 72(2) of the principal Enactment is amended by substituting the words “of amounts exceeding one hundred ringgit shall be made by cheques” with the words “may be made by cash, cheque, electronic payment system or any other method as the Majlis thinks fit and reasonable.”.

Amendment of section 74

13. Section 74 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note by inserting after the word “collect” the words “and distribute”; and
- (b) by inserting after the words “State of Malacca” the words “and distribute it”.

New section 74A

14. The principal Enactment is amended by inserting after section 74, the following new section:

“Appointment or delegation of power to distribute zakat and fitrah 74A. Majlis may appoint or delegate his power to any person to distribute *zakat* and *fitrah* subject to such conditions and restrictions as the Majlis thinks fit.”.

Amendment of section 75

15. Subsection 75(1) of the principal Enactment is amended, in the Malay language text by substituting the word “*pembahagian*” with the word “*pengagihan*”.

Amendment of section 94

16. Subsection 94(5) of the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting the words “one thousand ringgit” with the words “three thousand ringgit”;
- (b) by substituting the words “six months” with the words “two years”; and
- (c) by inserting after subsection (5), the following subsection:

“(6) Any person, body of persons, corporation or institution whose name is shown at any mode of the collection of money done, is presumed as making or taking part in the collection of money unless it is proven otherwise.”.

Amendment of section 98

17. Section 98 of the principle Enactment is amended—

- (a) by renumbering the existing section as subsection (1);
- (b) by inserting after the words “a Registrar of *Muallaf*” the words “any number of persons as Assistant Registrar of *Muallaf*”; and
- (c) by inserting after section (1), with the following subsection:
“(2) The Assistant Registrar of *Muallaf* shall be subject to the direction and control of the Registrar of *Muallaf* from time to time.”.

Passed by the State Legislative Assembly of Malacca on the
2 March 2022

[MAIM.100-1/1/1; PUNM. 700-02/37 Jilid 4]

DATUK HAE LMY BIN MOHD HANIFAH
*Secretary of State Legislative Assembly
Malacca*

